

Sila semak semasa dilafazkan

**UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA
DATO' SERI DR. SITI HASMAH BT HAJI MOHD. ALI
DI MAJLIS PERASMIAN ORIENTASI MMU 2000
DI CYBERJAYA
PADA HARI ISNIN, 22 MEI 2000
JAM 9.30 PAGI**

Syukur Alhamdulillah kita sama-sama lafazkan ke-hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala, kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, pada hari ini kita dipertemukan di Majlis Perasmian Minggu Orientasi Universiti Multimedia yang mana ia merupakan satu Majlis yang bertujuan untuk mengalu-alukan para pelajar baru yang akan memulakan sesi pengajian di Universiti ini pada sesi 2000/2001.

2. Selaku Canselor Universiti Multimedia (UMM) saya berasa sungguh gembira melihat seramai lebih 3000 orang pelajar baru bersama-sama dalam majlis ini yang diadakan serentak di Kampus Cyberjaya dan Melaka. Tanpa disedari, Majlis yang berlangsung pada hari ini merupakan Majlis yang keempat seumpamanya diadakan di Universiti ini. Dengan kemasukan pada sesi ini, jumlah pelajar Universiti Multimedia (UMM) telah meningkat kepada lebih 8,000 pelajar yang mana pertumbuhan ini adalah sangat pantas yang sememangnya sukar dilakukan oleh mana-mana universiti baru bukan sahaja di negara ini bahkan di seluruh dunia sebelum ini.

3. Sememangnya pertumbuhan Universiti Multimedia (UMM) ini amat perlu memandangkan bahawa Universiti Multimedia (UMM) adalah sebuah universiti yang memainkan peranan penting bagi mengeluarkan graduan-graduan dan usahawan-usahawan yang sangat diperlukan untuk kemajuan negara dalam era informasi yang amat mencabar ini. Negara kita berhasrat untuk menjadi negara yang membangun dan termaju dalam era ini dan hasrat ini tidak akan tercapai jika graduan dan usahawan yang berkualiti tidak disediakan dengan secukupnya.

4. Di kesempatan ini, izinkan saya mengingatkan para pelajar dan juga para kakitangan Universiti Multimedia (UMM) tentang wawasan Universiti untuk menjadi sebuah Universiti yang bertaraf dunia dalam bidang pengajaran, penyelidikan dan keusahawanan berteraskan multimedia dan teknologi maklumat. Dalam erti kata lain Universiti Multimedia (UMM) mempunyai wawasan untuk menjadi setanding dengan Universiti terkemuka dunia seperti Stanford, MIT dan Cambridge dalam satu jangkamasa yang sependek mungkin. Di samping itu juga Universiti Multimedia (UMM) memikul tanggungjawab untuk menjadi universiti yang menjadi pemangkin kepada pembangunan projek koridor Raya Multimedia dan pelupur kepada era informasi yang dihasratkan dapat membawa negara kedepan dengan jayanya dalam alaf baru ini.

5. Di sini harus dipersoal apakah ciri-ciri yang perlu dicapai untuk menjadikan Universiti Multimedia (UMM) sebuah universiti bertaraf dunia? Jawapannya mempunyai 3 ciri iaitu pertama, ia mestilah sebuah universiti yang menggunakan teknologi dan ilmu terkini untuk kegiatan asasnya seperti pengajaran, penyelidikan dan usahasama dan pada masa yang sama dapat mencurahkan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang terkini kepada para pelajarnya. Keduaanya, segala kegiatannya terutama pengajaran dan penyelidikan itu tadi terbukti membuahkan hasil dalam bentuk graduan, cendekiawan dan hasil penyelidikan yang diiktiraf oleh dunia luar pada taraf yang tinggi. Ketiganya, universiti itu mestilah dapat menarik ramai pelajar dan kakitangan cemerlang dari merata pelusuk dunia dan pada masa yang sama syarikat-syarikat terkenal antarabangsa mempunyai keyakinan untuk menyokong dan bekerjasama dengan universiti itu.

6. Ketiga-tiga ciri yang disebutkan tadi sememangnya sukar untuk dicapai terutamanya dalam masa yang singkat. Namun pada masa ini Universiti Multimedia (UMM) sedang berusaha gigih untuk merealisasikan ciri-ciri yang dinyatakan tadi dan saya gembira untuk memberitahu bahawa kemajuan dan tahap pencapaian yang telah dicapai sehingga kini adalah amat memberangsangkan. Namun, pihak pengurusan Universiti Multimedia (UMM), kakitangan dan warga universiti lain perlu bekerja lebih keras lagi supaya tahap pencapaian dapat terus dipertingkatkan untuk mencapai sasaran yang ditetapkan. Oleh itu para pelajar

yang memasuki Universiti Multimedia (UMM) pada sesi ini harus sedar akan wawasan dan hasrat ini dan mesti turut menyumbang kepada pembangunan Universiti Multimedia (UMM) seperti yang di idam-idamkan.

7. Sama ada anda sedari atau tidak, anda semua sewajarnya merasa bertuah kerana diberi peluang menjadi sebahagian daripada warga Universiti ini. Anda perlu sedar bahawa anda adalah merupakan anak-anak harapan bangsa dan negara yang bakal mencorak dan mewarnai universiti dengan kecemerlangan, baik dari segi akademik malm pun yang bukan akademik termasuklah kegiatan ko-kurikulum. Berbeza dengan alam persekolahan yang para pelajar sekalian telah tinggalkan, di Universiti ini anda semestinya mampu berdikari dan menghadapi cabaran yang akan timbul sebaik sahaja melangkah masuk ke Universiti ini sehinggalah anda meninggalkan institusi ini ke alam pekerjaan kelak. Antara masalah-masalah yang mungkin ditempuhi oleh para pelajar sekalian adalah seperti masalah tempat tinggal, pergaulan, kewangan, penyesuaian diri dan mungkin juga masalah emosi bersabit dengan alam remaja. Semua masalah ini harus ditangani dengan penuh ketabahan dan bijaksana. Para pelajar seharusnya sedar bahawa masalah-masalah yang sedemikian merupakan antara asam-garam kehidupan yang sememangnya ditempuhi oleh semua pelajar. Yang pastinya, wujudnya masalah-masalah yang sedemikian akan memamatkan lagi para pelajar dalam menghadapi masa-masa yang akan datang yang lebih mencabar lebih-lebih lagi dalam era informasi yang begitu hebat persaingannya.

8. Dalam kesempatan ini saya ingin menarik perhatian para pelajar kepada sifat tanggung jawab yang wajib disemai oleh para pelajar dalam menjalani kehidupan sebagai seorang pelajar di Universiti Multimedia (UMM). Seseorang insan yang dilahirkan ke dunia ini tidak dijadikan seorang diri tetapi memerlukan insan-insan lain di sekelilingnya untuk hidup. Dalam konteks kehidupan, kumpulan insan-insan ini dipanggil keluarga, masyarakat setempat dan negara. Juga insan-insan sukar dapat hidup tanpa sokongan dan kemudahan disekelilingnya kerana setiap yang hidup ini sentiasa diancam oleh berbagai bahaya sama ada secara lahiriah atau batiniah umpamanya seperti penyakit dan musuh. Jadi di sini boleh disimpulkan bahawa seseorang insan memerlukan insan lain untuk sama-sama saling membant dan melindungi

demikian untuk memastikan keberhasilan, keharmonisan dan kesejahteraan kelompok kehidupan mereka sendiri. Berasaskan kepada hakikat ini maka terbitlah asas bagi konsep atau pengertian mengenai tanggungjawab seseorang insan terhadap dirinya sendiri, keluarga, masyarakat, negara dan akhirnya kepada Penciptanya sendiri.

9. Intipati konsep tanggung jawab ini perlu dikupas dengan lebih mendalam sedikit memandangkan ia penting bagi mencapai kejayaan dan kesejahteraan hidup. Sebagai makhluk kejadian Tuhan yang diberi berbagai panca indera, naluri, perasaan dan nafsu, manusia sememangnya sentiasa mahukan semua yang baik bagi dirinya sendiri. Namun sudah menjadi kenyataan hidup bahawa manusia tidak boleh sentiasa mahukan yang baik sahaja tanpa sanggup berkongsi nikmat dan bertolak ansur dengan insan-insan lain, demi kesejahteraan hidup masyarakat mereka sendiri. Ia mesti sanggup berkongsi nikmat pemberian Tuhan ini dengan insan-insan lain yang hidup bersamanya. Ia juga wajib berusaha dengan titik peluhnya sendiri dalam usaha mendapatkan rezeki dan nikmat yang halal dan bukan dengan cara ditegah seperti penipuan, rasuah, tidak amanah, tamak dan haloba yang boleh merosakkan masyarakat itu sendiri. Berasaskan kepada sifat-sifat yang mulia seperti bertolak-ansur, saling bantu membantu, jujur, ikhlas, aman dan fatonah maka sesuatu kumpulan insan itu barulah boleh hidup dengan aman, damai dan sentosa dan seterusnya memajukan dirinya sendiri dan juga masyarakat sekelilingnya.

10. Sayugia ingin menambah di sini akan pentingnya kita semua insan yang dicipta oleh Tuhan, untuk mempunyai akal fikiran yang waras dan rasional. Akal fikiran yang waras dan rasional akan sentiasa menghasilkan keputusan dan tindak-tanduk yang menjurus kepada kebaikan untuk individu, masyarakat dan negara manakala akal fikiran yang banyak dipengaruhi oleh emosi dan hawa nafsu akan membuat seseorang insan itu menjurus kepada melakukan perbuatan yang boleh membawa kepada kerosakan dan kebinasaan. Oleh yang demikian adalah amat penting bagi kita semua untuk benar-benar bertindak di atas dasar akal fikiran yang waras dan rasional. Dalam kehidupan seharian, kita tahu bahawa hawa nafsu manusia itu sentiasa bertembung dengan akal fikiran yang waras dan rasional ini. Oleh yang demikian kita harus sedar bahawa setiap insan itu akan senantiasa diuji dengan pilihan untuk

bertindak berasaskan akal fikiran yang waras dan rasional yang boleh membawa kepada kejayaan atau berasaskan hawa nafsu yang membawa kepada kebinasaan.

11. Berdasarkan kepada hujah-hujah di atas, izinkan saya menekankan kepada manfaat yang boleh didapati hasil daripada insan-insan yang mempunyai sifat tanggung-jawab yang tinggi ini. Insan-insan ini merupakan batu asas dan neraca kepada usaha untuk mencapai pembangunan negara yang sekaligus merupakan rahmat besar yang diberikan oleh Pencipta kita kepada negara. Seperti yang saya sebutkan tadi, semua insan yang mempunyai sifat tinggi tanggungjawabnya sudah semestinya akan sentiasa berusaha untuk menyumbang kepada pembangunan dan kemajuan negara. Khususnya dalam konteks Universiti Multimedia (UMM), para pelajar haruslah sedar bahawa pada peringkat ini para pelajar dididik sebagai persediaan sebelum memasuki ke alam pekerjaan kelak. Era informasi dan masyarakat ilmu masa kini adalah amat mencabar di mana ia memerlukan insan-insan yang berilmu dalam bidang ini serta mempunyai sifat-sifat keusallawanan dan kepimpinan bukan sekadar menuruti arus sedia ada. Setiap insan yang ingin berjaya dalam perlumbaan ini harus mempunyai daya pemikiran yang kreatif, dinamik dan boleh berubah dan menyesuaikan diri dalam keadaan baru jika diperlukan oleh keadaan dan persaingan. Oleh itu saudara saudari harus bersedia menghadapi segala cabaran dengan cecakal hati, tabah, tidak mudah putus asa dan di samping itu sentiasa dahagakan idea baru dan perubahan demi untuk kemajuan. Yang lebih penting lagi usaha untuk kita berjaya dan seterusnya menyumbang kepada pembangunan negara merupakan tanggung jawab utama para pelajar semua.

Sebagai kesimpulan saya menyebutkan:

- i. Bahawasanya para pelajar sekalian merupakan generasi harapan bangsa dan negara yang akan menentukan hala tuju dan masa hadapan negara. Kepada para pelajar saya ingin mengucapkan Selamat Maju Jaya, sematkan sifat tanggung-jawab yang tinggi, kuatkan semangat, cekalkan azam dan yakini kebolehan dan kemampuan anda, semoga segala harapan yang diletakkan oleh ibu bapa, universiti, masyarakat dan negara terhadap anda akan mencapai kejayaan yang diharapkan. Para Pelajar wajib menyedari bahawa

mengikuti ajaran Rasulullah S.A.W. mencari ilmu dan seterusnya menjadi seorang insan beriman, beramal baik, berakhlak tinggi dan berguna merupakan satu usaha jihad dan kemenangan yang paling besar lebih daripada segala jihad dan amalan lain dan ia akan menjamin bukan sahaja ganjaran baik di dunia ini tetapi balasan syurga di akhirat nanti bagi saudara dan kedua ibu bapa pelajar juga.

12. Memandangkan terdapat para pelajar baru dari luar negara yang tidak bertutur dalam bahasa Malaysia, izinkan saya menyampaikan sepatah dua kata dalam bahasa Inggeris.

13. We are proud once again, to admit another big batch of students into this University for the 2000/2001 academic session. We are delighted to have in this intake the presence of overseas students who come from diverse ethnic, social and cultural backgrounds. It is well-known that the harmonious blend of local and international students will create a healthy social and scholarly atmosphere within the campus setting which would be of considerable advantage to the students' own psychological and social development. This certainly augurs well with the university's aim of creating a multinational, multicultural and multilingual community within the University.

14. It is my hope that students of this University regardless of their background would interact as widely as possible in going about their daily activities, be it at the social or academic levels, but at the same time, observing the students' code of conduct. The code of conduct has been established to ensure that the University can function harmoniously free from unnecessary disturbances from unwanted elements for the prosperity and enjoyment of the University wide community. You should realise that the next 3 to 4 years spent as a student of the University will be among the most crucial years of your lives for these years will set the foundation for 3 to 4 decades of your professional career. During these years, you should take the opportunity to gain as much knowledge, skills and experiences as possible, which surely will be of great benefit to you in your lives later on. Your first degree will certainly be the most important qualification that you need as a springboard to obtaining further qualification or employment later in life.

15. Hence, you should pay much heed to your studies and balance this with other activities. Your parents and your sponsors will be investing a considerable amount of money to ensure that you obtain a degree. Therefore, use the years ahead of you wisely. Strive to obtain the maximum knowledge or skills and give the best in everything that you do. As it is, you should shoulder the responsibility of developing yourself towards becoming the nation's leaders of tomorrow.

16. However, academic excellence should not be the sole aim of being here. Your commitment in studies should be complemented with co-curricular and non-formal activities as they contribute towards making you a well-rounded scholar. Hence, there should be a balance between these pursuits. Activities such as games, clubs and society that are organised from time to time would be useful in developing your human skills and leadership qualities.

17. In this University, we practise an Open Management System through which we welcome the contribution of fresh, new ideas for the advancement of the University. This is consistent with the concept of the borderless world where the eyes of whole world is watching us from the very next door surfed through at the press of the button. Messages and ideas can be put through at split second to the management using the system already developed from anywhere, anytime on any subject matter. Obviously the ideas contributed by each and every individual are very useful in improving the services provided by the university. Therefore, students are very much encouraged to contribute their ideas towards improving the facilities and services that are available in the university.

18. Universiti Multimedia (UMM) sentiasa mengorak langkah ke hadapan dalam usaha untuk mencapai cita-citanya yang suci murni itu. Oleh itu saya ingin menyeru kepada semua kakitangan universiti untuk terus berusaha dengan gigih dan bersungguh-sungguh untuk memastikan segala yang dirancang akan tercapai demi untuk kebaikan universiti dan negara. Di sini suka saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada pihak Universiti yang telah berjaya untuk menarik masuk sebilangan pelajar yang besar ini. Saya sedar bahawa kejayaan

seperti ini bukanlah mudah tetapi memerlukan daya usaha yang tinggi dan itulah sebabnya saya yakin Universiti ini akan berjaya untuk mencapai wawasannya dalam masa yang singkat.

19. Akhir kata saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menganjurkan program orientasi bagi kemasukan sesi ini. Sesungguhnya penat lelah saudara saudari itu amatlah berguna dan bererti bagi semua pelajar-pelajar baru ini dalam membantu mereka menyesuaikan diri dengan kehidupan Universiti ini dengan secepat mungkin.

20. Dengan lafaz Bismillahir rahmanirrahim saya dengan sukacitanya merasmikan Program Orientasi bagi sesi 2000/2001.
